

R

ACM-5372

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

INVC. 22/12/00

# SEKULARISME DALAM POLITIK: SATU KAJIAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

MOHD ADLIN B. SALLEH

JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

1999

Perpustakaan Universiti Malaya



A508766321

Dimikrofiskan pada 12.12.2001  
No. Mikrofis. 15141  
Jumlah Mikrofis. 3

HAMSIH BT. MOHAMAD ZAHARI  
UNIT REPROGRAFI  
PERPUSTAKAAN UTAMA  
UNIVERSITI MALAYA

UPR

**SEKULARISME DALAM POLITIK: SATU KAJIAN MENURUT  
PERSPEKTIF ISLAM**

**MOHD ADLIN B. SALLEH**

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA USULUDDIN  
SECARA KURSUS DAN DISERTASI**

**JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
1999**

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

18 MEI 1999

MOHD ADLIN B. SALLEH  
IGB 97013

MOTTO  
DARI KHAZANAH ILAHI

سَمِعَ اللَّهُ نِدَاءَ الْمُؤْمِنِينَ

وَمَا نَسُوا

أَنْ يَدْعُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ إِذْ جَاءُوا مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِمْ  
وَظَنُّوا

أَنْ يَدْخُلَنَا رَبَّنَا مَعَ الْقَوْمِ الصَّالِحِينَ

Maksudnya: "Mengapa kami tidak mahu beriman kepada Allah dan kepada kebenaran yang datang kepada kami, padahal kami sangat ingin agar Tuhan kami memasukkan kami ke dalam golongan orang-orang soleh?"

(Al-Mā'idah 5:84)

## DEDIKASI

*Akhi,*

**Rupanya...**

**Kita sama asalan**

**Pasti...**

**Kita sama tujuan**

**Lantas...**

**Sudah sediakah kita?**

منها خلفناكم وفيها نعيذكم ومنها نخرجكم تارة أخرى ❁

## JADUAL TRANSLITERASI

### 1. Konsonen

Konsonan pada huruf Arab tidak selamanya sepadan dengan konsonan huruf Rumi. Pada beberapa konsonan tertentu, konsonan tersebut boleh dirumikan, tetapi pada beberapa konsonan tertentu, terpaksa dilakukan beberapa tambahan. Hal tersebut dapat dilihat seperti di bawah:

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	a
ب	B
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy

ص	ʂ
ض	ʤ
ط	t
ظ	z
ع	ʕ
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ه ، يه	h
ء	ʔ
ي	y
ة	t

## 2. Vokal

Dalam sistem vokal Arab ada vokal pendek, vokal panjang dan diftong.

### 1. Pendek

\_\_\_\_\_ a

\_\_\_\_\_ i

\_\_\_\_\_ u

### 2. Panjang

\_\_\_\_\_ ā

\_\_\_\_\_ ī

\_\_\_\_\_ ū

### 3. Diftong

\_\_\_\_\_ ay

\_\_\_\_\_ aw

Beberapa istilah Arab yang telah dimelayukan digunakan serta kekal dalam Bahasa Melayu dari sudut ejaannya seperti: al-Qur'an, ulama, syariah, siyasah dan sebagainya. Demikian juga istilah Inggeris yang telah dimelayukan seperti kuantiti, kolonial, kontradiksi, subjek, westernisasi dan lain-lain.

Terjemahan ayat-ayat al-Qur'an di dalam disertasi ini berpandukan kepada al-Qur'an dan Terjemahnya (dalam Bahasa Indonesia), diterbitkan oleh Majma' Khādim al-Haramain al-Syarīfain al-Malik Fahd. Terjemahan ini telah disahkan oleh Lajnah Pentaşheh Maşhaf al-Qur'an, Departmen Agama Republik Indonesia pada 28 Februari 1990 / 3 Sya'bān 1410.




## SENARAI KEPENDEKAN

1. ABIM : Angkatan Belia Islam Malaysia
2. AIUM : Akademi Pengajian Islam
3. a.s : 'ala'hi al-salām
4. bah. : bahagian
5. bil. : bilangan
6. cet. : cetakan
7. DBP : Dewan Bahasa dan Pustaka
8. Dis. : Disember
9. Dr./Drs. : Doktor/Doktorandus
10. ed. : edisi
11. fak. : fakulti
12. Feb. : Februari
13. H. : Hijrah
14. HAMIM : Hizbu al-Muslimin
15. hal. : halaman
16. hb. : haribulan
17. Hj. : Haji
18. Ibid. : (Latin: Ibidem) pada tempat, kitab, fasal atau halaman yang sama.
19. IKIM : Institut Kefahaman Islam Malaysia
20. JAIS : Jabatan Agama Islam Selangor
21. JAKIM : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
22. Jan. : Januari
23. jil. : jilid
24. JPM : Jabatan Perdana Menteri
25. juz. : juzuk
26. Ltd. : Limited
27. M. : Masihi
28. m. : meninggal
29. MCA : Malayan Chinese Association

30.	MIC	:	Malayan Indian Congress
31.	no.	:	nombor
32.	Nov.	:	November
33.	Okt.	:	Oktober
34.	op.cit	:	(Latin: opere citato) dalam rujukan yang telah diterangkan.
35.	PAS	:	Parti Islam SeMalaysia
36.	PMIP	:	Pan-Malayan Islamic Party
37.	Prof.	:	Profesor
38.	r.a./huma	:	Radial.lahu 'Anhu/ Radial.lahu 'Anhuma
39.	s.a.w.	:	Şalal.lahu 'Alaihi wa Sallam
40.	Sdn. Bhd.	:	Sendirian Berhad
41.	Sept.	:	September
42.	S.M.	:	Sebelum Masihi
43.	S.W.'T'	:	Subĥānahu wa Ta'āla
44.	terj.	:	terjemahan
45.	thn.	:	tahun
46.	t.pt.	:	tanpa penerbit
47.	t.t	:	tanpa tahun
48.	UMNO	:	United Malays National Organisation
49.	UM	:	Universiti Malaya
50.	UKM	:	Universiti Kebangsaan Malaysia
51.	vol.	:	volume

## PENGHARGAAN



*All-hamdulillah* – Seinggi-tinggi kesyukuran dan pujian dipanjatkan ke hadrat Allah Ta'āla kerana telah melimpahkan petunjuk, taufik dan hidayah-Nya sehingga disertasi kecil ini dapat disempurnakan. Selawat dan salam diunjurkan kepada baginda Rasulullah s.a.w., ahli keluarga baginda, para sahabat dan sekalian pengikut baginda sehingga hari kemudian.

Sememangnya tugas menyiapkan disertasi ini bukanlah satu bebanan yang ringan ditanggung dan senang dipikul. Hanya dengan pertolongan Ilahi di samping berkat kerjasama daripada pelbagai pihak, maka bebanan menjadi ringan dan kerumitan menjadi mudah. Lantas pada kesempatan ini, penulis ingin merakamkan penghargaan khusus dan ucapan terima kasih kepada para individu dan pihak yang membantu:

- i. Terima kasih dihulurkan kepada ibu tersayang dan keluarga tercinta. Segala dorongan, rangsangan dan keprihatinan tidak mampu diungkapkan dengan baris perkataan. Semoga semuanya mendapat perkenan dan keredaan Tuhan Sekelian Alam.
- ii. Terima kasih kepada penyelia dan pembimbing yang discgani, al-faḍil al-Ustaz Mohd Fakhruddin Abdul Mukti. Bimbingan, pengorbanan dan tunjukajar yang diberi sepanjang gerakerja kajian ini cukup berguna ke arah kemandapan kajian. Hanya kepada anugerah dan keredaan-Nya jua dipohon.
- iii. Terima kasih kepada al-faḍil al-Ustaz Dr. Johari Mat, al-Ustaz Mahmood @ Zakaria Daud dan al-Ustazah Fatimah Ali kerana turut sama menyumbang idea dan bantuan termasuk meminjamkan bahan-bahan yang berkaitan. Semoga semuanya tergolong di dalam amalan kebajikan di sisi-Nya.

- iv. Penghargaan kepada rakan-rakan Beit al-Rahman III; Ustaz Me, Ustaz Awie TQ, Ustaz Din TW, Ustaz We KAF, Ustaz Joe, Ustaz Husni dan Mr. Shah. Juga teman-teman Beit al-Syabab; Ir. Aman PAM, Mr. Noordin WDW, Mr. Mazlan TX, Ustaz Yus KS, Ustaz Kie DAF dan Mr. Sedie PAT.  
Banyak sudah nostalgia indah bersama kalian. Semoga talian persahabatan sentiasa utuh.
- v. Terima kasih kepada Ustaz Azhar BCB, Mr. Me TN dan Cikgu We WBN yang banyak menyumbangkan idea dan bahan-bahan bertulis. Segala jasa kalian hanya Allah Ta'āla yang dapat membalasnya.
- vi. Terima kasih kepada kakitangan dan pihak Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Pusat Islam yang menyediakan sebahagian besar bahan-bahan bercetak ke arah penyempurnaan disertasi ini.
- vii. Penghargaan kepada dik Nasrul & Zul tersayang dan generasi baru VI khususnya warga hostel VI 1998/99, juga kepada dik Yaser & Hafiz serta "Empayar Usrah Ustaz Lin" (Kerinci), tidak ketinggalan dik Iwan & Asar serta rakan-rakan "Group al-Qur'an Ustaz Lin" (Abdullah Hukum) - semoga disertasi ini memberi suntikan motivasi ke arah kecemerlangan adik-adik.
- viii. Terima kasih kepada semua pihak atau individu lain yang turut sama membantu sama ada secara langsung atau tidak.

Tiada yang dapat diungkapkan kecuali penyerahan kepada Yang Maha Esa sebagai penilai kepada segala. Hanya kepada-Nya diserahkan segala urusan.

Sekian.

Salam Penghargaan Daripada Penulis.

Mohd Adlin b. Salleh  
Beit al-Rahman III,  
Masjid al-Rahman,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur.

Safar 1420H  
Mei 1999M

## ABSTRAK

MOHD ADLIN B. SALLEH. *Sekularisme Dalam Politik: Satu Kajian Menurut Perspektif Islam*. Disertasi, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Malaysia, 1999.

Kajian ini membincangkan fahaman sekularisme yang tersebar luas di seluruh pelusuk dunia terutama negara-negara umat Islam yang telah dijajah. Kajian difokuskan kepada pengaruh fahaman ini di dalam bidang politik atau pemerintahan di dalam sesebuah negara khususnya Malaysia. Penyebaran sekularisme di dalam politik negara menyebabkan kebanyakan negara umat Islam yang ada sekarang tidak mahu melaksanakan syariah Islam secara syumul malah ada yang menentang serta mengancam gerakan-gerakan Islam yang cuba mendaulatkan hukum Allah 'Ta'āla itu. Akibatnya suasana di dalam sebahagian negara umat Islam tidak tenteram kerana berlaku pertentangan malah pertempuran di antara pihak pemerintah dengan gerakan Islam. Akhirnya rakyat menjadi mangsa kepada keadaan. Masyarakat Islam menjadi keliru tentang kepentingan mendaulatkan Islam secara syumul di dalam kehidupan. Apatah lagi sejak sekian lama mereka telah dipengaruhi oleh fahaman sekularisme yang berpaksikan kepada material atau kebendaan. Akhirnya seruan ke arah pelaksanaan syariah Islam secara menyeluruh di dalam kehidupan menjadi terlalu asing dan ganjil lebih-lebih lagi di dalam dunia yang semakin maju dan moden.

Hasil daripada kajian ini, penulis dapati:

1. Fahaman sekularisme adalah fahaman asing yang jauh terpesong daripada akidah Islam yang berpaksikan kepada Tauhid Ulūhiyyah. Oleh itu ia mesti dihindari oleh masyarakat Islam.
2. Kebanyakan umat Islam tidak mengetahui kesesatan fahaman ini malah ada yang tidak sedar diri mereka telah terperangkap di dalam fahaman ini.
3. Politik dan pemerintahan adalah aspek penting di dalam kehidupan kerana hampir seluruh aspek kehidupan seperti ekonomi, sosial, pendidikan, kebudayaan dan sebagainya adalah dicorakkan menurut bentuk sistem politik yang diamalkan.

Oleh itu, sekiranya politik itu bersifat sekular maka aspek kehidupan tadi akan menjadi sekular.

4. Kewajiban umat Islam pada hari ini ialah menegakkan syariah Islam di tempat masing-masing serta menolak fahaman sekularisme di dalam kehidupan terutama di dalam politik dan pemerintahan.
5. Malaysia masih belum menjadi sebuah negara Islam tulen kerana ia masih terikat dengan perlembagaan negara yang tidak memberi peluang kepada Islam untuk dipraktikkan secara sepenuhnya.

## ABSTRACT

This study discusses the ideology of secularism which was spread out widely in the world especially in Muslim colonized countries. The study focuses to the influence of the ideology in political area or administration in a country especially in Malaysia. The influence of secularism in politic causes most of the Muslim countries to feel unwilling to practise Syariah Law comprehensively even some of them warn and combat Islamic movements which want to implement the laws of Allah. As the result, some of surroundings in Muslim countries have riots because of the fight and battle between government and Islamic movements. Finally society become victim of the chaos atmosphere. Muslim bring to confuse about the importance of practising Islam comprehensively in life. In addition since the long time, they were affected of the secularism which was base on the materials or things. Lastly the echo of practising Syariah Law comprehensively in life become so dissonant and discordant furthermore in the advance and modern world.

From the results of this study, the author have seen:

1. Secularism is an unknown ideology which astray by a great distance from Islamic theology which bases on the Ulūhiyyah. So it must be avoided by Muslim's society.
2. Most of Muslims do not know about the astray of this ideology as well as they don't know that they have been trapped by the ideology.
3. Both of the politic and administration were extremely fundamental because wholly aspects of life such as economy, social, education, culture and so on nearly were decorated by the pattern of political practise system. So that when the politic is secular, the aspects of life become secular too.
4. Muslims' obligatory today is to implement the Syariah Law in their own place and to refuse secularism from their life especially from political field and administration.
5. Malaysia is not a real Islamic state because it still implements the federal constitution and common law which does not give chance to Islam to be implemented comprehensively.

## DAFTAR ISI

	HALAMAN
HALAMAN JUDUL	I
HALAMAN PENGESAHAN	II
HALAMAN PENGAKUAN	III
MOTTO	IV
DEDIKASI	V
JADUAL TRANSLITERASI	VI
SENARAI KEPENDEKAN	IX
PENGHARGAAN	XI
ABSTRAK	XIII
ABSTRACT	XV
DAFTAR ISI	XVI
DAFTAR LAMPIRAN	XXI
<b>PENDAHULUAN</b>	
1.0	PENDAHULUAN
2.0	LATAR BELAKANG MASALAH
3.0	PENGERTIAN TAJUK
4.0	TUJUAN PENYELIDIKAN
5.0	BATASAN KAJIAN
6.0	MASALAH KAJIAN
7.0	KEPENTINGAN PENYELIDIKAN
8.0	METODOLOGI PENYELIDIKAN
9.0	DAFTAR ISI
10.0	SISTEMATIKA PENULISAN



**BAB I      SEKULARISME DAN PERTUMBUHANNYA**

1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	PENGERTIAN SEKULARISME	2
	2.1   Pergertian Dari Segi Bahasa	2
	2.2   Pergertian Dari Segi Istilah	5
3.0	SEJARAH KELAHIRAN SEKULARISME	7
	3.1   Pengasas Sekularisme	11
	3.2   Faktor Kelahiran Sekularisme	12
	3.3   Perlaksanaan Sekularisme Di Barat	20
4.0	SEKULARISME DI NEGARA-NEGARA ISLAM	22
	4.1   Faktor-Faktor Kemasukan Sekularisme Ke Dalam Masyarakat Islam.	22
	4.2   Saluran Pemindahan Sekularisme	26
	4.3   Dua Buah Negara Umat Islam Yang Utama	30
	4.3.1   Turki	31
	4.3.2   Mesir	34

**BAB II      ISLAM DAN POLITIK**

1.0	PENDAHULUAN	39
2.0	PENGERTIAN POLITIK	40
	2.1   Menurut Falsafah Barat	40
	2.2   Menurut Falsafah Islam	43
3.0	KEDUDUKAN POLITIK DI DALAM ISLAM	46
4.0	ASAS POLITIK ISLAM	50
5.0	CIRI-CIRI POLITIK ISLAM	56
6.0	SUMBER POLITIK ISLAM	57

7.0	CITA-CITA POLITIK ISLAM	65
8.0	PERBANDINGAN POLITIK ISLAM DENGAN POLITIK BARAT	67
<b>BAB III PANDANGAN ISLAM TERHADAP SEKULARISME</b>		
1.0	PENDAHULUAN	74
2.0	PANDANGAN AL-QUR'AN AL-KARIM	75
3.0	PANDANGAN AL-HADITH AL-SYARIF	84
4.0	PANDANGAN ULAMA ISLAM	89
	4.1 Imam Ibnu Kathīr	89
	4.2 Ibnu Khaldūn	90
	4.3 Syaikh Mustaffa Şabri	91
	4.4 'Abdul Qādir 'Audah	93
	4.5 Syed Qutb	95
	4.6 Al-Maudūdi	97
	4.7 Prof. Dr. Yusuf al-Qaradāwi	99
	4.8 Prof. Manna' Khalil al-Qaṭṭān	100
	4.9 Dr. Muhammad 'Imārah	101
	4.10 Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang	103
	4.11 Ustaz Haji Ahmad Awang	104
	4.12 Ustaz Uthman al-Muhammadi	106
5.0	PERTENTANGAN SEKULARISME DENGAN ISLAM	108
	5.1 Pertentangan Sekularisme Dengan Akidah	109
	5.2 Pertentangan Sekularisme Dengan Ibadah	111
	5.3 Pertentangan Sekularisme Dengan Akhlak	112
	5.4 Pertentangan Sekularisme Dengan Syariah	113


<b>BAB IV</b>	<b>SEKULARISME DALAM POLITIK MALAYSIA</b>	
1.0	PENDAHULUAN	118
2.0	SUASANA POLITIK DI TANAH MELAYU	119
	2.1	Politik Tanah Melayu Sebelum Penjajahan 119
	2.2	Politik Tanah Melayu Semasa Penjajahan 121
	2.3	Politik Malaysia Selepas Penjajahan 126
3.0	PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA	129
	3.1	Perlaksanaan Undang-Undang Islam Sebelum Penjajahan 129
	3.2	Perlaksanaan Undang-Undang Islam Semasa Penjajahan 132
	3.3	Perlaksanaan Undang-Undang Islam Selepas Penjajahan 134
	3.4	Kedudukan Islam Di Dalam Perlembagaan Malaysia. 136
4.0	CONTOH SEKULARISME DI DALAM POLITIK MALAYSIA	141
	4.1	Tiga Mekanisme utama Sekularisme Di Malaysia. 141
	4.1.1	Penjajahan 141
	4.1.2	Kemerdekaan 143
	4.1.3	Pemodenan 147
<b>BAB V</b>	<b>PENUTUP</b>	
1.0	PENDAHULUAN	152
2.0	KESIMPULAN	153

3.0	CADANGAN	160
3.1	Individu Muslim	160
3.2	Media Massa	162
3.3	Ulama dan Cendikiawan Islam	163
3.4	Badan dan Organisasi Islam	165
3.5	Pihak Berkuasa	166
4.0	PENUTUP	168

**BIBLIOGRAFI****LAMPIRAN**

## DAFTAR LAMPIRAN

1. **Lampiran A** : Kandungan Piagam Madinah
2. **Lampiran B** : Peruntukan Beberapa Fasal Di Dalam Hukum Kanun Melaka
3. **Lampiran C** : Laporan Suruhanjaya Penggubalan Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
4. **Lampiran D** : Sekularisme Di Dalam Majalah Dan Akhbar.



**PENDAHULUAN**

# PENDAHULUAN

## SEKULARISME DALAM POLITIK: SATU KAJIAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

### 1.0 PENDAHULUAN

Sedar atau tidak umat Islam dewasa ini dikelilingi oleh pelbagai jenis musuh sama ada yang bersifat terang atau tersembunyi. Kesemuanya mempunyai agenda dan matlamat yang sama iaitu untuk menyesatkan umat Islam daripada kebenaran. Musuh yang tidak dapat dilihat lebih besar bahaya dan lebih banyak mendatangkan bencana kepada umat Islam. Ini kerana kehadirannya tidak dapat dikesan oleh pandangan kasar, perancangannya amat susah diselongkar dengan ucapan dan kesannya amat sukar ditafsirkan dengan angka dan nilai. Hanya ilmu yang mantap dengan disertai kesedaran yang menggunung sahaja yang mampu menyentap tabir kedurjanaannya.

Fenomena ini telah dihadapi oleh masyarakat Islam pada masa kini apabila mereka tidak dapat mengesan bahaya sekularisme; sejenis 'musuh' yang lolos daripada pandangan kasar. Kemunculannya tidak dipedulikan, keberadaannya tidak dirasa malah mudaratnya tidak diendah. Natiujahnya sebahagian daripada masyarakat Islam terjerumus ke dalam fahaman sekularisme malah lebih malang lagi apabila mereka tidak mampu membuat satu justifikasi terhadap kemudaratannya kepada akidah murni mereka.

Maka menjadi harapan besar kepada penulis agar kajian ini dapat menyingkap wajah sebenar sekularisme di samping menjadi saham dan manfaat yang besar ke arah satu kesedaran menyeluruh anggota masyarakat terhadap bahaya sekularisme dan gugatannya kepada kemurniaan akidah Islam.

## 2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Bermula pada akhir abad ke-17, dunia menyaksikan suatu peristiwa penting yang berlaku di benua Eropah khususnya di Britain yang merubah kehidupan masyarakat di sana malah turut mempengaruhi kehidupan masyarakat di seluruh dunia. Peristiwa itu ialah gerakan pembaharuan atau perubahan secara besar-besaran dan menyeluruh yang dikenali sebagai gerakan revolusi.

Di dalam bidang ekonomi, revolusi yang dipimpin oleh tokoh-tokoh utama masyarakat bermula dengan Revolusi Pertanian yang menyaksikan berlaku perubahan di dalam sistem dan teknologi pertanian. Seterusnya ia diikuti pula oleh Revolusi Perindustrian yang berlaku di sekitar tahun 1760 hingga 1820. Manakala di dalam bidang politik pula, tercetus Revolusi Inggeris pada tahun 1688, Revolusi Amerika tahun 1776, Revolusi Perancis tahun 1789 dan akhirnya Revolusi Rusia tahun 1917.

Perubahan yang melanda masyarakat turut memberi kesan besar kepada aliran pemikiran manusia pada ketika itu. Keghairahan untuk mengejar kemajuan dan ketamadunan menyebabkan manusia mengabaikan nilai moral dan akhlak; apa yang lebih penting ialah kemajuan sains dan teknologi perlu dilaksanakan. Lantaran itu lahirah satu gaya pemikiran baru yang memisahkan aspek kehidupan daripada agama.

Agama dilihat sebagai penghalang kepada kemajuan malah dipandang sebagai punca kepada penindasan, kezaliman dan kemunduran manusia. Sebelum itu masyarakat Eropah telah dikongkong oleh penguasaan gereja serta dikawal oleh pelbagai akta dan peraturan yang digubal semata-mata untuk kepentingan golongan ahli agama (Kristian) sahaja. Realitinya, agama telah diperalatkan dan menjadi satu barang komoditi yang cukup bernilai bagi sesetengah pihak. Oleh kerana itu kedengaran seruan supaya dipisahkan di antara agama daripada aspek kehidupan. Inilah fahaman yang disebut sebagai *sekularisme*. Fahaman ini mula mendapat perhatian masyarakat sehingga berjaya mendominasi suasana kehidupan mereka.



Kesan daripada Revolusi Perindustrian, masyarakat Eropah mula mencari bahan-bahan keperluan demi menampung keperluan industri perkilangan mereka. Lantas mereka mula menumpukan perhatian kepada negara-negara yang kaya dengan bahan-bahan mentah seperti bijih timah, getah dan kapas. Maka penjajahan mula dilakukan ke atas negara-negara seperti Afrika dan Asia. Malangnya, kebanyakan negara yang menjadi mangsa kepada kuasa penjajah Barat ialah negara-negara umat Islam.

Sebenarnya fenomena ini cukup mudah difahami kerana Barat bukan hanya dirangsang oleh keperluan mendapatkan bahan mentah tetapi turut didorong kuat oleh permusuhan agama di antara mereka dengan umat Islam. Lantaran itu kebanyakan negara Islam di sebelah Asia Barat telah dijajah oleh Perancis, Itali dan Inggeris manakala di sebelah Asia Tenggara, kuasa-kuasa seperti Portugis, Belanda dan Inggeris menjadi kuasa kolonial yang terkuat.

Penjajahan kuasa-kuasa Eropah ke atas kebanyakan negara umat Islam telah membawa suatu 'penyakit' yang kronik kepada masyarakat Islam apabila fahaman sekularisme yang mendapat tempat di Eropah telah diimport masuk ke dalam masyarakat Islam. Negara seperti Turki dan Mesir adalah contoh terbaik di mana sekularisme mula membarah dan meresap ke dalam masyarakat Islam bermula dengan penguasaan di dalam bidang politik dan pentadbiran.

Akhirnya seluruh aspek kehidupan mula diresapi fahaman asing ini sehingga menjadikan ajaran Islam cukup asing kepada umatnya sendiri. Skopnya dihadkan kepada persoalan ibadah atau hubungan dengan Tuhan sahaja manakala di dalam bidang kehidupan agama tidak boleh dicampur aduk sama sekali.

Sekali imbas, umat Islam seolah-olah tidak menyedari bahaya fahaman ini kerana ia tidak menolak ajaran Islam secara total malah amalan agama tetap dibenarkan seperti sembahyang, puasa dan sebagainya manakala tempat-tempat ibadah seperti masjid dan surau tetap dibina. Bahayanya ialah kerana sekularisme tidak menerima syariah Islam sebagai dasar tertinggi di dalam sistem politik atau pemerintahan negara. Ini kerana sebahagian manusia beranggapan agama ialah suatu yang murni dan bersih sementara politik pula adalah suatu yang kotor. Mencampuradukkan agama dengan politik bererti mengotorkan sesuatu yang suci dan bersih.

Kini sekularisme telah menjadi ideologi yang cukup merbahaya dan berjaya menyebarkan 'racun berbisanya' di kebanyakan negara umat Islam; merosakkan akidah murni mereka, menunduk dan mendorong mereka kepada lurah kebinasaan, perpecahan dan kebinasaan. Proses pengasingan agama daripada politik ini pula dilakukan dengan penuh strategi; secara beransur-ansur dengan menggunakan slogan-slogan yang lunak dan enak seperti prinsip kebebasan dan ketamadunan malah kadang-kadang dengan slogan 'Islam yang sederhana' dan 'Islam yang berhikmah'.

Slogan-slogan seperti inilah yang dapat memperdayakan sebahagian masyarakat Islam sehingga mereka sanggup menerima fahaman sekularisme yang dahulunya cukup asing lantas diamalkan di dalam kehidupan mereka.

Schubungan itu sudah menjadi suatu kewajiban kepada umat Islam pada hari ini untuk memahami konsep sebenar sekularisme seterusnya merangka agenda bertindak mereka. Di sinilah terletak peranan para ulama serta sarjana Islam untuk mengkaji dan mendedahkan fahaman ini kepada masyarakat. Semoga dengan adanya kajian-kajian seperti ini akan dapat memandu masyarakat Islam ke arah jalan yang benar-benar direzki dan dirahmati Allah Ta'ala.

### **3.0 PENGERTIAN TAJUK**

Sebelum kajian ini dihurai dan dipaparkan dengan lebih lanjut terlebih dahulu dijelaskan secara ringkas beberapa konsep dan pengertian yang terdapat di dalam tajuk kajian ini iaitu:

## **SEKULARISME DALAM POLITIK: SATU KAJIAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM.**

## Sekularisme:

Perkataan *sekularisme* terbentuk daripada dua patah perkataan iaitu *sekular* dan *isme*. *Sekular* diambil daripada perkataan *secular* yang berasal daripada perkataan Latin iaitu *saeculum*.<sup>1</sup> Perkataan *sekular* ini juga dikatakan berasal daripada perkataan Yunani; *saecular* yang bererti keduniaan kemudian ia ditulis dengan perkataan *secular* di dalam Bahasa Inggeris.<sup>2</sup> Apabila dipindahkan kepada Bahasa Melayu ia ditulis *sekular*.

Perkataan *isme* pula berasal daripada perkataan Inggeris; *ism* yang bererti faham atau fahaman.<sup>3</sup> Cantuman perkataan *sekular* dan *isme* membentuk perkataan *sekularisme*. Ia merujuk kepada aliran falsafah yang mementingkan keduniaan (*sekular*). Dunia menjadi matlamat kehidupan. Penumpuan kepada dunia menyebabkan akhirat kehilangan nilai dan makna kerana itu ia diketepikan dalam aktiviti kehidupan. Aspek keduniaan diatur oleh kebudayaan dan akhirat pula diuruskan oleh agama.<sup>4</sup>

Oleh itu, *sekularisme* ialah pemutusan hubungan kebudayaan (keduniaan) daripada agama. Tempat agama adalah di gereja. Dalam *sekularisme*, akal menjadi penentu prinsip dan pelaksana kebudayaan. Justeru, 'manusia sekular' sanggup melakukan apa sahaja dengan membelakangkan nilai agama. Demikianlah konsep *sekularisme* yang terhasil daripada kebudayaan Barat yang kini telah menguasai kebanyakan dunia Islam.<sup>5</sup>

Pada asalnya ia lahir di Eropah sebagai reaksi kepada pengaruh ahli-ahli agama Kristian yang mencengkam kuat dan menguasai ke atas segala aspek kehidupan masyarakat pada abad pertengahan dahulu.<sup>6</sup> Akhirnya rakyat bangkit menentang kuasa

<sup>1</sup>Che Yusoff bin Che Mamat,(1988), *Sekularisme Perkembangannya Dalam Masyarakat Muslim*, Kuala Lumpur: al-Rahmaniah, hal. 8

<sup>2</sup>A. Shamad Hamid, Drs., (1986), *Islam Dan Pembaharuan: Sebuah Kajian Tentang Aliran Moden Dalam Islam Dan Permasalahannya*, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd. hal 62.

<sup>3</sup>----, (1990), *Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur: DBP, hal. 654.

<sup>4</sup>Sidi Gazalba, Drs., (1983), *Islam Dan Perubahan Sosio-Budaya*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hal. 35.

<sup>5</sup>*Ibid.*

<sup>6</sup>*The New Encyclopaedia Britannica*, (1985), vol. 10, USA: Encyclopaedia Britannica Inc., hal. 594.

golongan gereja dan agama sehingga mereka berjaya memisahkan pengaruh gereja daripada kehidupan mereka.

Jadi, konsep *sekularisme* yang menjadi subjek kajian ini ialah merujuk kepada fahaman atau ideologi yang memisahkan agama daripada aspek kehidupan iaitu aspek politik, ekonomi, sosio-budaya dan pendidikan.

### **Politik:**

Di dalam *Kamus Dewan*, Teuku Iskandar mendefinisikan politik sebagai ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan pemerintahan seperti dasar pemerintahan dan sebagainya yang meliputi ilmu siasah, kengeraan, parti politik, ahli politik dan tipu muslihat.<sup>7</sup>

Menurut Drs. Sidi Gazalba, seorang ilmuan Islam terkemuka dari Indonesia, politik ialah ilmu tata negara iaitu ilmu tentang cara-cara yang diperlukan untuk membentuk organisasi kehidupan masyarakat dalam negara, ia juga merujuk kepada proses pemerintahan dan kebijaksanaan seseorang pemerintah. Dari segi budaya, ia adalah cara-cara mengatur sosial dan ekonomi sebaik-baiknya menurut konsepsi pemegang kuasa.<sup>8</sup>

Di dalam Islam perkataan 'politik' lebih dikenali dengan nama 'siasah'. Ia bererti melakukan kebaikan untuk sesuatu.<sup>9</sup>

Di dalam kajian ini perkataan 'politik' dimaksudkan kepada sistem pemerintahan atau dasar-dasar pemerintahan di dalam sesebuah negara. Dasar-dasar ini menjadi tunjang utama yang menentukan hala tuju atau matlamat sesebuah negara atau masyarakat. Sekiranya politik yang diamalkan itu berdasarkan kepada sistem politik Islam maka

<sup>7</sup>Teuku Iskandar, (1994), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: DBP, Edisi 3, hal. 1049.

<sup>8</sup>Sidi Gazalba, Dr.s, *op.cit*, hal. 53

<sup>9</sup>Ibn. Manzūr, (1990), *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dār al-Fikr, Jilid 6, di bawah perkataan ( ساس ).

masyarakat yang terbentuk adalah sebuah komuniti yang kaya dengan nilai dan adab Islam serta mendapat keredhaan Allah Ta'āla.

Sebaliknya apabila politik sesebuah negara itu bercanggah dengan Islam maka sudah tentu masyarakat yang terbentuk jauh terpesong daripada ajaran Islam, memiliki keperibadian yang buruk, berpecah-belah serta memperolchi kemurkaan Allah Ta'āla. Malah nilai keadilan dan kebenaran tidak akan mampu dipasakkan di dalamnya.

### **Kajian:**

Maksud kajian ialah kegiatan atau usaha mengkaji dan menyelidik secara mendalam dan terperinci untuk mengetahui kedudukan sesuatu dengan nyata seterusnya dapat dibuat keputusan dengan tepat.<sup>10</sup>

### **Perspektif:**

Perkataan ini bererti pandangan atau penafsiran yang wajar atau sesuai tentang sesuatu dengan memperkirakan bahagian-bahagiannya dalam hubungan keseluruhannya.<sup>11</sup>

Konsep sekularisme yang cuba diselongkar di sini akan ditinjau sudut kesahihan atau kebatilannya dari kaca mata atau pandangan Islam.

### **Islam:**

Perkataan Islam adalah merujuk kepada 'din' Islam iaitu agama yang diturunkan oleh Allah Ta'āla kepada Muhammad s.a.w. menerusi perantaraan Jibril a.s. Perkataan ini berasal daripada kata kerja سلم yang mempunyai makna suci daripada kecacatan zahir dan batin atau sejahtera, taat dan menyerah.<sup>12</sup> Dari segi syarak, ia bermakna mentauhidkan

<sup>10</sup>Kamus Dewan, *op.cit.* hal. 560

<sup>11</sup>*Ibid.*, hal. 1026.

<sup>12</sup>Haron Din, Dr., (1988), *Manusia Dan Islam*, cet. 3, Kuala Lumpur: Watan Sdn. Bhd., hal. 93.

Allah 'Ta'āla, patuh, tunduk dan jujur hati kepada-Nya serta beriman kepada pengajaran-pengajaran agamanya yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.<sup>13</sup>

Menurut al-Syabīd Hassan al-Banna (1906-1949), Islam adalah satu peraturan yang mencakupi semua urusan kehidupan. Ia adalah pemerintahan dan negara atau kerajaan dan ummah, akhlak dan kekuatan atau rahmah dan keadilan, pengetahuan dan peraturan atau ilmu dan hukuman, benda dan khazanah atau usaha dan kekayaan, jihad dan dakwah atau tentera dan pemikiran. Ia juga mengandungi akidah yang benar dan ibadat.<sup>14</sup>

Menurut Drs. Sidi Gazalba, sandaran perkataan Islam kepada 'agama' adalah suatu kesilapan kerana etimologi<sup>15</sup> kata 'agama' tidak bertepatan dengan hakikat yang dikandung oleh Islam. Suatu teori menyatakan bahawa kata 'agama' berasal dari bahasa Sanskrit. Akar katanya ialah *gam* kemudian ditambah awalan 'a' dan akhiran 'a' menjadi 'agama'. Kadang-kadang awalnya ditambah dengan 'i' menjadi 'igama' dan 'u' menjadi 'ugama'.<sup>16</sup>

*Gam* bererti 'pergi'. Jadi adalah tidak tepat untuk menyandarkan Islam kepada 'agama'. Sebaliknya 'din' dalam bahasa Semit bererti undang-undang atau hukum. Dalam bahasa Arab, perkataan ini bermakna menguasai, menundukkan, patuh, hutang, balasan dan kebiasaan.<sup>17</sup> Islam sebagai 'al-din' adalah undang-undang Allah yang mengatur seluruh kehidupan manusia sama ada hubungannya dengan Allah mahupun sesama manusia atau alam.<sup>18</sup>

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> *Majmū'ah Rasā'il al-Imam al-Syabīd Hasan al-Banna*, (1988), al-Manṣūrah: Maṭābi' al-Wafa', hal.

7.

<sup>15</sup> Etimologi adalah ilmu kajian asal usul perkataan.

<sup>16</sup> Sidi Gazalba, Drs., *op.cit.*, hal. 29.

<sup>17</sup> Ibrahim Anis, Dr., (1972), *Al-Mu'jam al-Wasīl*, juz. 1, cet. 2, Qāherah, hal. 307.

<sup>18</sup> Harun Nasution, (1974), *Islam Ditinjau Dari Berbagai Aspeknya*, Jakarta: Bulan Bintang, jil. 1, hal.

Di samping itu golongan intelektual yang berpendidikan Barat menyamakan pengertian 'agama' dengan *religion*. Pengertian *religion* sebenarnya merujuk kepada hubungan seorang hamba dengan tuhan yang hanya merangkumi persoalan ibadah. Keadaan ini bercanggah sama sekali dengan hakikat Islam yang menggabungkan hubungan dan pertalian seorang hamba dengan Tuhannya dan sesama manusia ( *حبل من حبل الله وحبل من الناس*).<sup>19</sup>

Jadi perkataan 'Islam' yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah Islam yang menjadi satu sistem yang syumul (lengkap) yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia tanpa kecuali; sama ada sekecil-kecil urusan sehingga sebesar-besarnya, mulai daripada urusan peribadi, keluarga, masyarakat, negara malah turut merangkumi aspek hubungan antarabangsa; meliputi aspek akidah, akhlak, muamalat, jenayah, ekonomi dan lain-lain.

#### 4.0 TUJUAN PENYELIDIKAN

- i. Untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Islam tentang bahaya sekularisme. Ini kerana masih ramai umat Islam yang tidak mengetahui kedudukan sebenar fahaman ini malah mereka seolah-olah tidak mementingkan langsung kehadirannya di tengah masyarakat Islam.
- ii. Untuk menyerlahkan konsep sebenar sekularisme dan ufuk perkembangannya di tengah-tengah masyarakat Islam khususnya di dalam sistem kebanyakan negara umat Islam pada masa kini. Semoga umat Islam sentiasa prihatin, sensitif dan berwaspada terhadap sebarang perkara yang terjadi di kalangan mereka terutama perkara yang boleh mengganggu-gugat kesucian akidah dan ketenteraman suasana.

<sup>19</sup>Sidi Gazalba, Drs, *op.cit*, hal. 29-30.

- iii. Untuk memberi justifikasi sebenar terhadap konsep sekularisme. Hal ini amat perlu dilakukan lantaran umat Islam diseru supaya menjauhkan diri daripada sebarang perkara yang boleh menjerumuskan mereka ke lembah syirik dan durhaka kepada Allah. Maksudnya, mereka wajib memelihara kemurnian akidah mereka daripada sebarang unsur syirik.
- iv. Sebagai perintis dan titik tolak kepada suatu kajian yang lebih komprehensif oleh para sarjana Islam lain. Golongan inilah yang menjadi aset penting bagi masyarakat Islam. Mereka perlu sentiasa peka dan bersedia untuk melakukan kajian-kajian yang dapat menyedarkan umat Islam daripada sebarang gejala negatif yang bertujuan meruntuhkan Islam sama ada secara tersirat atau tersurat seterusnya membantu membangunkan Islam dan umatnya.
- v. Sebagai pelengkap kepada Kursus Sarjana Usuluddin Secara Berkursus dan Disertasi. Disertasi atau kajian penyelidikan menjadi pelengkap kepada gerak kerja kursus yang telah disempurnakan selama 2 semester sebelumnya.

## 5.0 BATASAN KAJIAN

Kajian ini akan cuba mengemukakan konsep sebenar fahaman sekularisme termasuk sejarah pertumbuhan dan perkembangannya di Eropah. Seterusnya sejarah kemunculannya ke dalam negara-negara umat Islam akan turut dibincangkan terutama di Turki dan Mesir.

Kajian ini juga cuba menyorot persoalan politik atau siasah menerusi kedudukan politik di dalam Islam, asas, ciri-ciri, sumber dan tujuan politik Islam. Selain daripada itu perbandingan di antara politik Islam dengan sistem politik Barat turut disentuh secara umum.



Selepas itu, penumpuan akan ditumpukan kepada sudut percanggahan dan pertentangan fahaman sekularisme dengan ajaran Islam iaitu menerusi hujah-hujah daripada al-Qur'an dan al-Hadith, pandangan para ulama Islam dan seterusnya kontradiksi fahaman ini dengan Islam sama ada daripada aspek akidah, ibadah, akhlak ataupun syariah.

Seterusnya tumpuan perbahasan ialah terhadap pengaruh sekularisme di dalam aspek politik dan pentadbiran di Malaysia. Ini kerana aspek politik dan pentadbiran adalah bidang terpenting yang mencorakkan kehidupan masyarakat keseluruhannya. Sorotan akan dilakukan kepada perkembangannya di Malaysia bermula daripada zaman sebelum, semasa dan selepas penjajahan bangsa Barat di Tanah Melayu.

Sebelum itu akan disebut iklim politik di Tanah Melayu sebelum, semasa dan selepas era kolonial di samping perkembangan pelaksanaan undang-undang Islam di Tanah Melayu sebelum, semasa dan selepas zaman imperialis. Kajian ini juga menyebut kedudukan Islam di dalam perlembagaan Malaysia. Semoga dengan pendedahan ini akan menjelaskan lagi senario dan situasi sebenar pelaksanaan dan penghayatan ajaran Islam di tanahair.

Sebagaimana lazimnya, kajian ini akan disudahi dengan penutup yang merangkumi kesimpulan kepada disertasi ini serta cadangan-cadangan kepada pihak-pihak yang tertentu. Diharapkan perbahasan ini dapat membawa sinar dan cahaya kepada pemikiran umat Islam yang sentiasa dahagakan panduan dan bimbingan sewaktu 'melayari bahtera' kehidupan sementara di dunia ini.

## 6.0 MASALAH KAJIAN

Masalah yang dimaksudkan di sini ialah perkara-perkara yang menjadi halangan dan terpaksa ditempuhi penulis sewaktu menyiapkan disertasi ini. Masalah sebegini adalah sesuatu yang lumrah dan pasti di dalam setiap gerakerja terutama yang bersifat kritikal seperti sebuah kajian penyelidikan. Cuma kuantiti dan sifat sesuatu masalah yang membezakan sesuatu kajian dengan kajian yang lain. Terdapat beberapa masalah utama penyelidikan iaitu:

- i. Kesukaran mengumpul dan mendapatkan bahan-bahan yang bersangkutan dengan subjek kajian. Kesukaran ini sama ada disebabkan kuantiti bahan-bahan ini sedikit ataupun kedudukannya pada tempat-tempat yang berasingan. Justeru itu, proses pengumpulannya memerlukan jangka masa yang agak panjang serta tenaga yang bukan kepalang.
- ii. Lokasi atau perpustakaan yang menjadi rujukan penulis tidak mempunyai data dan maklumat yang cukup. Di dalam sesetengah kes, pembiayaan yang bukan sedikit terpaksa dikeluarkan bagi mendapatkan bahan-bahan atau kitab-kitab yang dikehendaki.
- iii. Terdapat banyak bahan tulisan dan kajian yang berkaitan dengan subjek ini tidak memenuhi syarat sebagai bahan akademik iaitu tidak bersifat objektif. Ini kerana kebanyakan daripadanya dihasilkan secara semberono tanpa mempunyai sumber yang dapat diyakini keabsahannya malah kadangkala ia dipenuhi dengan sentimen dan prasangka buruk yang tidak berpijak pada fakta dan kenyataan.

Meskipun dihadapkan dengan masalah dan halangan seperti ini, ia tidak memudarkan semangat penulis serta tidak melunturkan aspirasi yang telah dipacak kukuh di dalam diri sejak sekian lama untuk menyelesaikan subjek kajian. Malahan segala tribulasi yang dihadapi semakin menyalakan semangat juang dan mematangkan diri demi menghadapi cabaran yang lebih kompleks. Ia juga menjadi suatu pengalaman bernilai di samping perangsang kuat untuk lebih maju ke arah mencapai cita-cita yang menggunung tinggi.

## 7.0 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN

Sekularisme adalah satu fahaman yang mula menerjah masuk ke dalam masyarakat Islam seiring dengan dasar imperialisme Barat. Kini ia menjadi satu kepercayaan atau ideologi yang menunjang kukuh di dalam pemikiran masyarakat Islam tanpa disedari. Kealpaan ini antara lain adalah disebabkan kurangnya sumber rujukan serta kajian yang dilakukan oleh sarjana-sarjana Islam yang prihatin bagi membongkar fahaman ini, juga kurangnya perbahasan para ulama serta pendedahannya kepada masyarakat.

Oleh kerana itu suatu kajian yang terperinci dan penyelidikan yang mendalam serta pendedahan yang berterusan perlu dilakukan bagi menjelaskan semula kepada dunia Islam umumnya tentang konsep sebenar fahaman sekular. Demikian juga satu penilaian semula perlu dilakukan ke atas masyarakat Islam yang masih meminggirkan syariah Islam daripada kehidupan pada masa yang sama menggunakan perundangan dan sistem nilai Barat di dalam aspek kehidupan.

Oleh itu, penulisan ini diharapkan dapat menambahkan lagi koleksi bahan-bahan ilmiyah di dalam subjek sekularisme yang bersifat akademik dan objektif serta dapat dipertanggungjawabkan supaya dapat dijadikan rujukan kepada anggota masyarakat yang mahu memperoleh kefahaman tentang fahaman asing ini.

## 8.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Di dalam sesuatu kajian atau penyelidikan, metodologi memainkan peranan penting. Ini kerana kualiti dan keberkesanan sesuatu penyelidikan bergantung kepada ketepatan penggunaan metod-metod yang sesuai dengan objek serta tujuan penyelidikan.

Perkataan *Metodologi* bererti “sains (ilmu pengetahuan) bagi mencari jawapan”.<sup>20</sup> Ia berasal daripada perkataan Yunani yang terdiri daripada dua patah perkataan iaitu *metodos* bererti cara atau jalan<sup>21</sup> dan *logos* yang bermaksud kajian tentang sesuatu atau ringkasnya sains.<sup>22</sup>

Dari sini, *metodologi* bererti ilmu tentang cara atau prosedur yang tertentu bagi memahami sesuatu penelitian dan penyelidikan agar hasil yang diperolehi menepati kehendak ilmiah serta boleh dipertanggungjawabkan.<sup>23</sup>

Kajian ini akan menggunakan dua metod utama penyelidikan iaitu:

- 8.1 **Metod pengumpulan data** iaitu melibatkan dokumen-dokumen yang terdapat di perpustakaan tertentu seperti kitab-kitab, majalah-majalah, kertas-kertas kerja dan sebagainya. Data-data yang diterimapakai adalah bersifat primer (sumber pertama) di samping bersifat sekunder (sumber kedua).
- 8.2 **Metod analisis data** iaitu mengolah dan menganalisa segala data yang telah dikumpul sejak kesekian lama. Di dalam metod ini, penulis menggunakan beberapa metod lain iaitu:

8.2.1 **Metod Induktif** iaitu suatu kaedah penganalisaan data menerusi proses penarikan kesimpulan dari hal-hal yang bersifat khusus kepada suatu kenyataan yang bersifat umum.<sup>24</sup> Metod ini digunakan di dalam bab pertama, kedua, ketiga, keempat dan kelima.

<sup>20</sup>Ahmad Mahdzan Ayub, (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi: Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur: DBP, hal. 9.

<sup>21</sup>Koentjaraningrat, (1986), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, cet. 8, Jakarta: Penerbit P.T Gramedia, hal. 7.

<sup>22</sup>Rusli Abd. Ghani, “Peristilahan Legasi Hippocrates Ars Longga, Vita Brevis”, *Pelita Bahasa*, Kuala Lumpur:DBP, Nov. 1989, hal. 25.

<sup>23</sup>Peter, A. Angeles, (1981), *A Dictionary of Philosophy*, London: Harper and Row Publishers, hal. 171.

<sup>24</sup>*Ibid*, hal. 132. Lihat juga: Henry L. Manheim and Bradley A. Simon, (1977), *Sociological Research: Philosophy and Methods*, Illinois: The Dorsey Press, hal. 61.

8.2.2 **Metod Deduktif** iaitu cara menganalisa dan melakukan penulisan yang berdasarkan kepada pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil umum terhadap hal-hal khusus.<sup>25</sup> Metod ini banyak digunakan di dalam bab keempat.

8.2.3 **Metod Komparatif** iaitu membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan-perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa penelitian dilakukan.<sup>26</sup> Ia digunakan di dalam bab keempat.

## 9.0 DAFTAR ISI

Penyelidikan ini akan disusun berdasarkan bab-bab yang diatur secara teratur dan sistematik. Kandungannya secara terperinci adalah seperti berikut:

1. Halaman judul
2. Halaman pengesahan
3. Halaman pengakuan
4. Motto
5. Dedikasi
6. Jadual transliterasi
7. Senarai kependekan
8. Penghargaan
9. Abstrak
10. Abstract
11. Daftar isi
12. Daftar lampiran

<sup>25</sup> Abdul Halim Hj. Mat Diah, Dr., (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Fak. Usuluddin, AIUM, hal. 134.

<sup>26</sup> *Ibid*, hal. 136.

## **PENDAHULUAN**

1. Pendahuluan
2. Latar Belakang Masalah
3. Pengertian Tajuk
4. Tujuan Penyelidikan
5. Batasan Kajian
6. Masalah Kajian
7. Kepentingan Penyelidikan
8. Metodologi Penyelidikan
9. Daftar Isi
10. Sistematika Penulisan.

## **BAB I SEKULARISME DAN PERTUMBUHANNYA**

1. Pendahuluan
2. Pengertian Sekularisme
  - 2.1 Dari Segi Bahasa
  - 2.2 Dari Segi Istilah
3. Sejarah Kelahiran Sekularisme
  - 3.1 Pengasas Sekularisme
  - 3.2 Faktor Kelahiran Sekularisme
  - 3.3 Pelaksanaan Sekularisme Di Barat
4. Sekularisme Di Negara-Negara Islam
  - 4.1 Faktor-Faktor Kemasukan Sekularisme Ke Dalam Masyarakat Islam
  - 4.2 Saluran Pemindahan Sekularisme
  - 4.3 Dua Buah Negara Umat Islam Yang Utama.
    - 4.3.1 Turki
    - 4.3.2 Mesir

## **BAB II ISLAM DAN POLITIK**

1. Pendahuluan
2. Pengertian Politik

- 2.1 Menurut Falsafah Barat
- 2.2 Menurut Falsafah Islam
- 3. Kedudukan Politik Di Dalam Islam
- 4. Asas Politik Islam
- 5. Ciri-Ciri Politik Islam
- 6. Sumber Politik Islam
- 7. Cita-cita Politik Islam
- 8. Perbandingan Politik Islam Dengan Politik Barat.

### **BAB III      PANDANGAN ISLAM TERHADAP SEKULARISME**

- 1. Pendahuluan
- 2. Pandangan al-Qur'an al-Karim
- 3. Pandangan al-Hadith al-Syarif
- 4. Pandangan Ulama Islam
  - 4.1 Imam Ibn. Kathir
  - 4.2 Ibnu Khaldun
  - 4.3 Syeikh Mustaffa Şobri
  - 4.4 'Abdul Qadir 'Audah
  - 4.5 Syed Qutb
  - 4.6 Al-Maududi
  - 4.7 Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi
  - 4.8 Prof. Manna' Khalil al-Qattan
  - 4.9 Dr. Muhammad 'Imarah
  - 4.10 Tuan Guru Hj. Abdul Hadi Awang
  - 4.11 Ustaz Haji Ahmad Awang
  - 4.12 Ustaz Uthman al-Muhammadi
- 5. Pertentangan Sekularisme Dengan Islam:
  - 5.1 Pertentangan Sekularisme Dengan Akidah
  - 5.2 Pertentangan Sekularisme Dengan Ibadah
  - 5.3 Pertentangan Sekularisme Dengan Akhlak

## 5.4 Pertentangan Sekularisme Dengan Syariah.

**BAB IV SEKULARISME DALAM POLITIK MALAYSIA**

1. Pendahuluan
2. Suasana Politik Di Tanah Melayu
  - 2.1 Sebelum Penjajahan
  - 2.2 Semasa Penjajahan
  - 2.3 Selepas Penjajahan
3. Pelaksanaan Undang-Undang Islam Di Malaysia
  - 3.1 Sebelum Penjajahan
  - 3.2 Semasa Penjajahan
  - 3.3 Selepas Penjajahan
  - 3.4 Kedudukan Islam Di Dalam Perlembagaan Malaysia.
4. Contoh Sekularisme Di Dalam Politik Malaysia
  - 4.1 Tiga Mekanisme Utama Sekularisme Di Malaysia.
    - 4.1.1 Penjajahan
    - 4.1.2 Kemerdekaan
    - 4.1.3 Pemodenan

**BAB V PENUTUP**

1. Pendahuluan
2. Kesimpulan
3. Cadangan
  - 3.1 Individu Muslim
  - 3.2 Media Massa
  - 3.3 Ulama dan Cendekiawan Islam
  - 3.4 Badan dan Organisasi Islam
  - 3.5 Pihak Berkuasa
4. Penutup



## BIBLIOGRAFI LAMPIRAN

### 10.0 SISTEMATIKA PENULISAN

Penyelidikan ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu bahagian permulaan, bahagian teks dan bahagian akhir.

#### Bahagian Permulaan:

Bahagian Permulaan dibahagikan kepada dua bahagian lain; bahagian pertama mengandungi halaman judul, halaman pengesahan, halaman pengakuan, motto, dedikasi, jadual transliterasi, senarai kependekan, penghargaan, abstrak, abstract, daftar isi dan daftar lampiran.

Bahagian kedua pula ialah pendahuluan yang mengandungi pengenalan, latar belakang masalah, pengertian tajuk, kepentingan kajian, tujuan kajian, skop atau batasan kajian, rumusan masalah, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

#### Bahagian Isi:

Bahagian ini terdiri daripada lima bab yang disusun secara sistematik:

##### **a. Bab I:**

Bab ini dimulai dengan pendahuluan, kemudian diikuti oleh pengertian sekularisme dari segi bahasa dan istilah, sejarah kelahiran sekularisme termasuk pengasas kepada fahaman ini, faktor-faktor yang membawa kepada kelahirannya serta perlaksanaannya di Barat. Bab ini disudahi dengan perbincangan tentang perkembangan sekularisme di negara-negara umat Islam; tumpuan kepada Turki dan Mesir.

**b. Bab II:**

Bab ini membincangkan hubungan ajaran Islam dengan politik. Ia dimulai oleh pendahuluan dan diikuti oleh pengertian politik menurut pandangan para sarjana Barat dan Islam. Disusuri pula oleh perbincangan kedudukan politik di dalam Islam, asas-asas politik Islam, ciri-ciri politik Islam, sumber politik Islam dan cita-cita atau matlamat politik Islam. Ia diakhiri oleh perbandingan sistem politik Islam dengan politik Barat.

**c. Bab III:**

Bab ketiga dan bab keempat adalah dua bab yang terpenting di dalam kajian ini. Bab ketiga ini membincangkan kedudukan fahaman sekularisme pada kaca mata Islam. Oleh itu, pandangan daripada al-Qur'an dan al-Hadith dibawa untuk penilaian bersama. Sebagai suatu penegasan, pandangan daripada ulama-ulama Islam sepanjang zaman dan tempat khususnya tokoh-tokoh agama tempatan turut disertakan. Ianya diakhiri dengan perbincangan percanggahan fahaman ini dengan kesyumulan ajaran Islam.

**d. Bab IV:**

Di dalam bab ini dinyatakan situasi politik di Malaysia melibatkan iklim politik sebelum, semasa dan sesudah era penjajahan. Selepas itu perbincangan menyentuh tentang pelaksanaan undang-undang Islam di tanahair semenjak sebelum penjajahan, semasa dan sesudah penjajahan. Dari sini suatu analisa perbandingan dapat dibuat tentang perbezaan tiga zaman utama yang telah dan sedang ditempuh oleh negara sewaktu melaksanakan undang-undang Islam.

Demikian juga, tinjauan turut dibuat terhadap kedudukan syariah Islam dalam perlembagaan negara pada masa ini. Akhirnya sebagai penutup bab, dinyatakan pula sejarah kemasukan fahaman sekularisme ke tanahair terutama mekanisme-mekanisme utama yang telah digunakan oleh para pendokong fahaman ini untuk menyebarkannya ke sini.

e. **Bab V:**

Mengandung pendahuluan, seterusnya kesimpulan kepada kajian dan saranan-saranan kepada individu muslim, media massa, ulama dan intelektual Islam, badan dan pertubuhan-pertubuhan Islam serta pihak yang berwenang.

**Bahagian Terakhir**

Bahagian ini mengandungi senarai bibliografi dan lampiran-lampiran.